

CNS8714

R GB 25-09 00197 BA554

aab

MAHATHIR GESA PBB SELIA PEMUSNAHAN SENJATA NUKLEAR

Mahathir - Nuklear'

Daripada Syed Jamil Jaafar

I

NEW YORK, 25 Sept (Bernama)-- Malaysia mahu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan sebagai penyelia dalam memusnahkan semua senjata nuklear di merata tempat dan bukan sahaja di Iraq.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membuat gesaan itu dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung ke-46 Bangsa-Bangsa Bersatu di sini pada hari Selasa, berkata PBB yang telah berperanan sebagai pemeriksa di Iraq perlu meneruskan peranan itu dan juga memeriksa pembuatan dan pengeluaran senjata-senjata lain sungguh berbahaya itu.

Datuk Seri Dr Mahathir mencadangkan agar penyelidikan mengepai senjata-senjata baru oleh negara-negara dikurangkan dan senjata-senjata tidak seharusnya dijual oleh mana-mana pihak tanpa permit yang dikeluarkan oleh PBB.

Beliau juga berkata bagi negara-negara membangun, harapan mereka hanyalah kepada sikap demokratik PBB terutamanya memandangkan pilihan untuk menyebelahi pihak lain tidak lagi boleh dilakukan.

+Kami mahu terus bebas tetapi kami juga mahu mengikut norma-norma antarahangsa seperti yang dihajati oleh sesetengah badan bukan kerajaan (NGO) atau apa yang dipanggil negara-negara demokrasi termaju tetapi oleh semua negara di dunia. -- Lagi

♥25/09/11-28MST

CNS8720

R GB 25-09 00144 BA556

aab

Mahathir - Nuklear 2 New York

Beralih kepada Afrika Selatan, Perdana Menteri berkata Malaysia sukacita dengan angin perubahan yang telah membawa banyak perkembangan menarik dalam negara itu ke arah penghapusan dasar apartheid dan pewujudan sebuah negara yang demokratik dan tidak perkauman di Afrika Selatan.

Sedang suasana keamanan dan dialog telah memberi faedah kepada banyak bahagian dunia, Asia Barat masih merupakan kawasan yang paling mudah berubah clan rakyat Palestin terus menderita di bawah pendudukan haram Israel yang kejam itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata nasib rakyat Palestin menguris perasaan setiap rakyat Malaysia.

+Kami mahu rakyat Palestin diberi layanan yang adil dan saksama, +katanya.

+Jika apa yang mereka lakukan untuk melindungi diri mereka sendiri disifatkan sebagai perbuatan jenayah, maka perbuatan yang sama dilakukan oleh tentera Isreali juga seharusnya dianggap sebagai jenayah. -- Lagi

♥25/09/11-33MST

CNS8732

R GB 25-09 00176 BA558

aab

Mahathir - Nuklear 3 New York

+Kerajaan-kerajaan yang menculik dan membunuh seharusnya dikutuk lebih daripada pejuang-pejuang kebebasan yang ganas yang terpaksa melakukan kekerasan kerana tiada cara lain untuk mereka mendapatkan keadilan. +

Beliau berkata orang Yahudi di Soviet Union berada dalam keadaan yang lebih baik di tempat mereka tinggal sekarang (daripada datang ke wilayah yang diduduki) di mana kemahiran hidup mereka boleh digunakan "dengan sebaiknya bagi membina ekonomi negara itu."

Mengenai alam sekitar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata 'persidangan PBB mengenai alam sekitar yang akan diadakan di Rio De Janeiro (Brazil) tahun depan tidak akan berfaedah sekiranya ianya dijadikan sesi untuk menghentam dunia ketiga .

Beliau berkata fikiran bahawa hutan-hutan tropika hanya boleh diselamatkan dengan memulaukan kayu-kayuan tropika lebih merupakan putar-belit ekonomi daripada hasrat sebenar untuk menyelamatkan hutan-hutan tersebut .

Katanya potensi besar dalam program perhutanan semula tidak pernah disebut langsung, sebagai contohnya, padang pasir California boleh ditukar menjadi hutan tropika penuh dengan flora dan faunanya sekiranya sumber air bumi dipam dan pokok-pokok ditanam. -- Lagi :

▼25/09/11-49MST

CNS8737

R GB 25-09 00160 BA559

aab

Mahathir - Nuklear 4 (Akhir) New York

Sebaliknya sumber air bawah tanah digunakan untuk mencant ikan padang golf dan tasik-tasik buatan manusia yang dikelilingi hotel-hotel mewah.

+Jika kita boleh bina jet pejuang yang canggih dengan harga satu ribu juta dolar sebuah, sudah tentu kita mempunyai kebijaksanaan dan wang untuk mewujudkan hutan-hutan tropika daripada padang pasir itu, + katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Libya seharusnya diberi kepujian kerana menggunakan air bawah tanah untuk mengairi padang pasirnya.

Perdana Menteri juga menerangkan mengapa Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dicadangkan, dan berkata bagi mereka mendapat perhatian dunia', negara-negara miskin perlu bergabung bukan untuk menubuhkan blok negara miskin tetapi untuk memberikan mereka sedikit kekuatan terhadap perbincangan-perbincangan dalam perundingan perdagangan pelbagai hala.

Katanya, EAEG hanyalah merupakan sebuah forum bagi negara-negara di Asia Timur untuk berunding sesama mereka bagi mendapat pendirian bersama kepada masalah bersama yang disebabkan oleh halaiigan amalan perdagangan negara-negara maju. -- Bernama

▼25/09/12-04MST